

UNIVERSITI MALAYSIA SARAWAK

Kenyataan
Akhbar
Press Release

UNIMAS Bantu Memperkasakan Sosioekonomi Nelayan

KUCHING, 8 Februari 2023 : Universiti Malaysia Sarawak (UNIMAS) terus komited dalam usaha memperkasakan komuniti melalui Majlis Pelancaran Projek Asuhan Dan Ternakan Benih Ikan Kerapu di Kg. Matang, Kuching. Inisiatif ini sekaligus menjadikan universiti berkenaan kekal unggul dalam mempelopori pelbagai aktiviti kelestarian komuniti di Sarawak, selaras dengan keperluan universiti sebagai *Community-Driven University for a Sustainable World*.

Ketua Projek Asuhan dan Ternakan Benih Ikan Kerapu, Profesor Madya Dr. Khairul Adha bin A. Rahim dari Fakulti Sains dan Teknologi Sumber, UNIMAS berkata, projek ini adalah salah satu usaha untuk membasmi kadar kemiskinan dalam komuniti nelayan dengan menaik taraf sosio-ekonomi dan meningkatkan sumber pendapatan menerusi penjualan ikan kerapu. Pengeluaran daripada perikanan tangkapan dan akuakultur marin seperti ikan kerapu di Malaysia telah dikenal pasti mempunyai potensi paling besar untuk pembangunan dan pembekalan sumber makanan laut.

Menurutnya lagi, “Oleh yang demikian, projek ini telah dilaksanakan untuk mengasuh dan menternak benih ikan kerapu dari sumber semula jadi bagi mengatasi masalah kekurangan bekalan benih. Program akuakultur ini menggunakan kaedah ekstensif dengan kos pengendalian yang lebih murah iaitu benih kerapu diternak di dalam tanki untuk meningkatkan saiznya agar dapat dijual dengan harga yang lebih tinggi bagi memenuhi permintaan pasaran”.

Selain itu, melalui pemindahan ilmu dan teknologi daripada penyelidik UNIMAS, nelayan dapat mengaplikasikan sistem asuhan dan ternakan benih ikan kerapu di kawasan yang terhad dan sesuai untuk diuruskan serta dikawal selia oleh penternak di persekitaran rumah kediaman dan pengurusan kadar kemandirian benih kerapu yang tinggi.

“Sebagai permulaan, seramai empat orang nelayan telah dipilih untuk menjalankan projek ini. Dengan mengambil kira harga pasaran semasa ikan kerapu bernilai RM37/kg, projek ini menyasarkan penjanaan pendapatan nelayan sebanyak RM 1,500 sebulan, sekaligus mampu meningkatkan taraf sosio-ekonomi nelayan yang tidak mempunyai pendapatan tetap terutamanya apabila tiba musim tengkujuh,’ katanya.

Projek Asuhan dan Ternakan Benih Ikan Kerapu yang dilancarkan ini telah dibiayai oleh Dana Lestari, iaitu sebuah dana dalaman UNIMAS yang bertujuan untuk memastikan agenda kelestarian di dalam komuniti dapat diperkasakan, berkesinambungan, dipertingkatkan dan diperkuuh untuk mencapai Matlamat Pembangunan Lestari 2030 (SDG2030) oleh Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB).

8 Februari 2023

Pejabat Canselor dan
Hubungan Antarabangsa
(UNIMAS Global)
Universiti Malaysia
Sarawak
94300 Kota Samarahan
Tel +60 82 582 394
Fax +60 82 665 088
Emel:
rliyana@unimas.my
www.unimas.my

Dana yang diuruskan oleh Pusat Kelestarian Universiti (USC), UNIMAS ini merangkumi pelbagai inisiatif kelestarian termasuklah Pendidikan STEM, Tenaga, Alam Sekitar, Air, Makanan dan Kesihatan. Menurut Pengarah USC, Puan Noraziah Abdul Wahab, "Pada tahun 2022 sahaja, sebanyak 25 buah projek dengan bajet keseluruhan berjumlah RM215,943.60 telah diluluskan dengan dana siling yang ditetapkan berjumlah RM10,000 untuk setiap projek. Ini membuktikan komitmen tinggi UNIMAS dalam mempromosikan agenda kelestarian untuk kesejahteraan komuniti setempat".

U N I M A S